541 — 186/80

UCAPAN YANG BERHORMAT MENTERI PELAJARAN, DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA PEMBUKAAN RESMI SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG TENGAH, KUALA KRAI, PADA 6HB APRIL, 1973 JAM : 3.00 petang

.............

~~Tuan-tuan dan puan-puan yang hazir~~. Hari ini adalah hari yang bahagia untuk kita semua. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak sekolah yang telah menjemput saya hazir bersama tuan-tuan dan puan2 sekelian di sini. Saya telah diberitahu bahawa penduduk-penduduk di-sini amatlah mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka. Saya percaya bahawa inilah sebabnya yang peratus keciciran murid-murid sekolah di negeri ini tidaklah begitu menyedihkan iaitu 19.4% dibandingkan dengan 30% jumlah keciciran hitong panjang di seluruh negara.

...2/

2. Masaalah keciciran telah menjadi bahan perbincangan yang hebat. ~~di Kementerian Pelajaran~~. Suatu penyiasatan yang khusus baharu sahaja dilengkapkan dan akan diumumkan setelah dibincangkan oleh Kabinet. Sungguhpun perkara keciciran ini adalah perkara yang berlaku di semua negeri, Kerajaan negeri ini tidak akan membiarkan peratus sebanyak ini ~~untuk seluruh negara~~ berterusan. Setakat ini yang dapat diumumkan berkenaan laporan mengenai keciciran itu ialah ~~ada~~ beberapa masaalah yang boleh kita cuba dengan segera, ada juga yang akan memakan masa ~~dan ada~~ ~~yang~~ memerlukan kerjasama beberapa Kementerian lain dan masyarakat seluruhnya.

~~Tuan2 dan Puan sekalian.~~

3. Walaupun sekolah ini jauh dari bandar, ini tidak pula bermakna yang Kerajaan akan mencuaikan tanggungjawabnya terhadap sekolah ini. Malahan pula, jika tuan-tuan dan puan-puan sekelian sedar, Kerajaan adalah sedang menumpukan tenaga dan masanya untuk kemajuan-kemajuan luarbandar supaya ekonomi luarbandar menjadi setara dengan ekonomi ~~di~~ dalam bandar, hinggakan sekolah-sekolah di kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan juga mendapat bantuan penuh Kementerian Pelajaran. Untuk tahun ini sahaja, peruntukan sebanyak $210,000 telah diluluskan untuk sekolah-sekolah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di Kelantan.

...4/

4. Sekolah Kebangsaan Kampong Tengah ini telah dibena dengan perbelanjaan $41,000/- untuk 3 buah bilik darjah, pejabat, tandas, bekalan air dan pagar. Saya telah mendengar rayuan Tuan Pengerusi Sekolah mengenai rancangan tambahan. Saya akan mengarahkan pegawai saya menimbangkan perkara ini dengan teliti dan mengambil tindakan yang wajar dengan segera.

5. Dalam pada itu marilah kita bersama bergiat dalam usaha meninggikan lagi mutu pelajaran anak-anak kita. Ibubapa perlu sedar mengenai betapa pentingnya pelajaran, terutama sekali pelajaran sains dan teknoloji, untuk masa hadapan negara pada umumnya dan anak-anak kita sendiri khususnya. Guru-guru dinasihatkan supaya ~~jangan tidak sedar~~ menyedari ~~mengenai~~ akan cara-cara baharu ~~untuk~~ mengenai pelajaran ilmu hisab dan sains.

6. Kementerian Pelajaran telah menubohkan bahagian Penyelaras Am yang diberikan tugas untuk menguruskan perkhidmatan T.V. Pendidikan sebagai membantu guru-guru dalam teknik mengajar terutama sekali dalam pelajaran hisab, sains dan sibik. Rancangan T.V. Pendidikan ini seharusnya adalah membawa munafaat yang paling besar kepada sekolah-sekolah luarbandar kerana murid-murid di kawasan ini tidak berpeluang dapat melihat semua bahan-bahan pelajaran yang teristimewa yang biasanya ada dibandar.

...7/

7. Menubohkan perkhidmatan radio dan T.V. Pendidikan ini adalah amat sukar, terutama sekali dari segi mengadakan kakitangan2 yang terlatih dan perbelanjaan yang paling besar. Itulah sebabnya paling sedikit negara di Asia ini dapat mengadakan perkhidmatan ini. Kita ~~perlu~~ mengedarkan peti-peti talivisyen hanya kepada sekolah-sekolah yang tidak mampu. Pada tahun sudah, kita telah mengedarkan sebanyak 500 buah peti T.V. ke sekolah2 menengah yang tertentu, 53 buah, iaitu lebih 10% daripadanya, dihantarkan ke Kelantan. ~~Dalam urusan~~ Usaha kita sekarang, ialah untuk mendapatkan lebih daripada 2,000 buah lagi ~~lagi untuk~~ supaya dapat diedarkan kepada sekolah-sekolah Rendah ~~di Kedah~~ yang tidak berkemampuan. Peti-peti T.V. ini sahaja akan menelan belanja ~~memakan jumlah belanja~~ sebanyak hampir-hampir 3.3 juta ringgit.

Sebanyak 200 buah ~~lagi~~ daripada pesanan baharu ini akan dihantarkan ke Kelantan dalam masa lebih kurang 3 bulan lagi.

8. Saya berharap ~~bahaya~~ supaya kemudahan-kemudahan ~~itu~~ ini akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh murid-murid di sini dengan kerjasama ibu-ibu bapa dan guru-guru ~~di sini~~ sekalian, ~~Moga-moga~~ semoga darjah kejayaan pelajaran murid-murid di sini bertambah maju lagi dari masa ke semasa.

9. Akhir sekali saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah hazir untuk mendengar ucapan saya hari ini. Saya ucapkan tahniah kepada Guru Besar dan ahli-ahli lembaga sekolah yang telah bekerja kuat untuk kemajuan anak-anak kita di sini.

10. Sekarang saya dengan penoh gembiranya mengistiharkan bangunan baharu Sekolah Kebangsaan Kampong Tengah ini di-buka dengan resminya.

Additional points:
1. Guru terlatih
2. Rumah Guru.
3. Buku Text.

ucapan: ADHO 576 195/80

(4)

UCAPAN YB MENTERI PELAJARAN, DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA PEMBUKAAN RESMI SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG TENGAH, KUALA KRAI, PADA 6HB APRIL, 1973 JAM 3.00 petang

Hari ini adalah hari yang bahagia untuk kita semua. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak sekolah yang ~~telah~~ sudi menjemput saya hazir bersama tuan-tuan dan puan-puan sekelian di sini. Saya telah diberitahu bahawa, penduduk-penduduk di sini amatlah mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka. Saya percaya bahawa inilah sebabnya yang peratus keciciran murid-murid sekolah di negeri ~~ini~~ Kelantan tidaklah begitu menyedihkan iaitu lebih kurang 19.4% dibandingkan dengan 30% jumlah keciciran hitong panjang di seluruh negara.

...2

2. Masaalah keciciran telah menjadi bahan perbincangan yang hebat. Suatu penyiasatan yang khusus baharu sahaja dilengkapkan dan akan diumumkan setelah dibincangkan oleh Kabinet. Sungguhpun perkara keciciran ini adalah perkara yang berlaku di semua negeri, Kerajaan negeri ini tidak akan membiarkan peratus keciciran sebanyak ini berterusan. Setakat ini, yang dapat diumumkan berkenaan laporan mengenai keciciran itu, ialah ~~bahawa~~ adanya beberapa masaalah yang boleh kita cuba atasi dengan segera, ada juga tindakan-tindakan yang akan memakan masa yang panjang dan ~~juga~~ memerlukan kerjasama beberapa Kementerian lain dan masyarakat seluruhnya.

...3

3. Walaupun sekolah ini jauh dari bandar, ini tidak pula bermakna yang Kerajaan akan mencuaikan tanggungjawabnya terhadap sekolah ini. Malahan pula, jika tuan-tuan dan puan-puan sekelian sedar, Kerajaan adalah sedang menumpukan tenaga dan masanya untuk kemajuan-kemajuan luarbandar supaya ekonoki luarbandar menjadi setara dengan ekonomi dalam bandar, hinggakan sekolah-sekolah di kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan juga mendapat bantuan penuh Kementerian Pelajaran. Untuk tahun ini sahaja, peruntukan sebanyak $210,000 telah diluluskan untuk sekolah-sekolah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di Kelantan.

4. Sekolah Kebangsaan Kampong Tengah ini telah dibena dengan perbelanjaan sebanyak $41,000 untuk 3 buah bilik darjah, pejabat, tandas, bekalan air dan pagar. Saya telah mendengar rayuan Tuan Pengerusi Sekolah mengenai rancangan tambahan. Saya akan ~~mengarahkan~~ pegawai ~~saya~~ menimbangkan ~~perkara~~ ini ~~dengan telitinya~~ dan mengambil tindakan yang ~~wajar dengan segera~~.

5. Dalam pada itu, marilah kita bersama bergiat dalam usaha meninggikan lagi mutu pelajaran anak-anak kita. Ibubapa perlu sedar mengenai betapa pentingnya pelajaran, terutama sekali pelajaran sains dan teknoloji, untuk masa hadapan negara pada umumnya, dan anak-anak kita sendiri khususnya. Guru-guru dinasihatkan supaya menyedari akan cara-cara baharu mengenai pelajaran ilmu-hisab dan sains.

...6

6. Kementerian Pelajaran telah menubohkan bahagian Sebaran Am,yang diberikan tugas menguruskan perkhidmatan radio dan talivisyen pendidikan,sebagai membantu guru-guru dalam teknik mengajar, terutama sekali dalam pelajaran ilmu-hisab, sains dan sibik. Rancangan radio dan talivisyen pendidikan ini,saya yakin,akan membawa munafaat yang paling besar,terutama sekali kepada sekolah-sekolah luarbandar.

...7

7. Menubohkan perkhidmatan radio dan talivisyen pendidikan ini adalah amat sukar, terutama sekali dari segi mengadakan kakitangan-kakitangan yang terlatih dan perbelanjaan yang paling besar. Itulah sebabnya paling sedikit negara di Asia ini dapat mengadakan perkhidmatan ini. Kita mengedarkan peti-peti talivisyen hanya kepada sekolah-sekolah yang tidak mampu. Pada tahun sudah, kita telah mengedarkan sebanyak 500 buah peti talivisyen ke sekolah-sekolah menengah yang tertentu, 53 buah, iaitu lebih 10% daripadanya, dihantarkan ke Kelantan. Usaha kita sekarang, ialah untuk mendapatkan lebih daripada 2,000 buah lagi supaya dapat diedarkan kepada sekolah-sekolah rendah yang tidak berkemampuan.

Peti-peti talivisyen ini sahaja akan menelan belanja sebanyak hampir-hampir 3.3 juta ringgit. Sebanyak ~~200~~ 180 buah daripada pesanan baharu ini akan dihantarkan ke Kelantan. ~~dalam masa lebih kurang 3 bulan lagi~~.

8. Saya berharap supaya kemudahan-kemudahan ini akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh murid-murid di sini, dengan kerjasama ibu-ibubapa dan guru-guru sekelian, semoga darjah kejayaan pelajaran murid-murid di sini bertambah maju lagi dari masa ke semasa.

...10

9. Akhir kata, ~~sekali~~ saya sekali lagi ucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan ~~yang telah hazir untuk mendengar ucapan saya hari ini~~. Saya ucapkan tahniah kepada guru besar dan kakitangan nya serta ~~dan~~ ahli-ahli lembaga sekolah yang telah bekerja kuat untuk kemajuan anak-anak kita; di sini.

Dengan itu, ~~inilah~~ saya dengan sukacitanya membuka dengan resmi nya ~~mengistiharkan pembukaan~~ bangunan baharu, Sekolah Kebangsaan Kampong Tengah. ~~ini dengan resminya~~.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/U

No Siri 541
No. Penerimaan 186/80